

# Pertemuan Perkasa-Pas demi perpaduan ummah

**KUALA LUMPUR 29 Okt.** - Pertemuan antara Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dengan Pas merupakan jalinan silaturahim yang amat bermakna bagi menjaga kepentingan agama Islam dan memperkasakan perpaduan ummah.

Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali berkata, Islam akan terbela apabila wujudnya perpaduan ummah dan seterusnya perkara tersebut akan menjamin keselamatan serta keamanan negara.

Menurut beliau, perkara berkenaan adalah antara rumusan mesyuarat Dewan Tertinggi Perkasa kali ke-20 bagi sesi 2013-2016 yang diadakan di sini semalam.

"Kita mengadakan pertemuan (dengan Pas) atas aspek ajaran Islam yang menuntut silaturahim dieratkan, ini tiada kena mengena dengan politik, kita melakukannya bagi kepentingan Islam dan perpaduan ummah.

"Perkasa juga bersedia berjumpa dengan mana-mana NGO (pertubuhan bukan kerajaan) demi kepentingan negara dan keselamatan rakyat. Sebelum ini pun kita sudah bertemu dengan pihak Kristian dan tidak timbul perselisihan faham. Kita cuma tidak akan bertemu dengan DAP sahaja kerana DAP dari dahulu, kini dan selamanya tetap serupa dan tidak bermakna," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Pada 13 Oktober lalu, Perkasa yang diketuai oleh Ibrahim mengadakan pertemuan dengan pimpinan tertinggi Pas yang diketuai Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sementara itu, menurut Ibrahim, antara keputusan lain yang dicapai dalam mesyuarat semalam adalah pelantikan Musadad Sazali selaku Naib Presiden Perkasa serta Yang Dipertua Perkasa Sarawak serta pelantikan

bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat, Zahari Bakar sebagai Yang Dipertua Perkasa Perlis.

Mesyuarat tersebut turut bersetuju melantik Pensyarah Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Khairul Mazmi Ahmad serta bekas ADUN Beserah, Datuk Jamal Nasir sebagai Ahli Dewan Tertinggi Perkasa.

Selain itu, Perkasa juga akan mengadakan program Wacana Munaqasyah Ilmiah di Dewan Auditorium Perpustakaan Negara pada 28 November ini dengan ucapan disampaikan oleh Profesor Ulung, Tan Sri Dr. Mohd. Kamal Hassan bagi membincangkan isu penyelarasan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil.

Dalam pada itu, Ibrahim berkata, Perkasa menggesa Majlis Amanah Rakyat (Mara) agar memastikan pinjaman yang bakal diberikan kepada pelajar-pelajar dalam jurusan perubatan, farmasi dan pergigian di Asia Barat tidak begitu membebankan sehingga kadar faedah tujuh peratus atau pelajar diwajibkan membayar balik pinjaman walaupun belum mendapat pekerjaan.

"Saya difahamkan Mara sedang berunding dengan dua bank bagi mencari dana RM1 bilion, kalau dana itu daripada bank, ada dua perkara mesti ditentukan iaitu pinjaman MARA faedahnya sekitar empat peratus, jangan cekik darah, anggap ini tanggungjawab sosial, jangan dengan pelajar-pelajar pun hendak berniaga," katanya.

Sementara itu, kata Ibrahim, Perkasa menolak Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan mendesak kerajaan tidak menandatangani perjanjian tersebut kerana dikhuatiri tidak menguntungkan negara malah mengancam kedaulatan negara dalam tempoh jangka panjang.



**IBRAHIM ALI**